

# Usaha yakinkan pelabur diperkasa

BH - 2/11/2023 mlj: 2

**Putrajaya:** Kerajaan akan terus memperkasa usaha untuk meningkatkan lagi keyakinan pelabur luar dengan mengamalkan sistem politik, tadbir urus dan tatakelola yang lebih baik serta bersih daripada rasuah serta salah guna kuasa.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata kerajaan telah mendapat senarai pelabur dari negara seperti Eropah, Amerika Syarikat, China, India serta beberapa negara sekitar Asia yang akan datang dan melihat sendiri perkembangan di Malaysia, khususnya dari aspek ekonomi.

“Kita dapat senarai pelabur dari Eropah, Amerika Syarikat, China dan India serta beberapa negara sekitar ASEAN yang akan hadir melihat sendiri perkembangan di Malaysia.

“Kita berharap ada tumpuan baharu yang boleh meningkatkan

dan memacu pertumbuhan ekonomi yang meyakinkan.

“Ini perlu kerana Malaysia negara perdagangan, selama ini mencatat kadar pertumbuhan ekonomi berdasarkan usaha kita menerima pelaburan dari dalam dan juga luar negara,” katanya ketika berucap pada program Munajat Ambang Tahun Baharu 2023 di Masjid Putra, di sini, malam kelmarin.

Perdana Menteri juga menegaskan, biarpun perutusan sempena tahun baharu malam kelmarin dibuatnya dari mimbar Masjid Putra, amanat itu bukan hanya untuk memberi peringatan kepada umat Islam semata-mata.

Tegas beliau, perutusan berkecenderungan sebaliknya turut ditujukan kepada masyarakat bukan Islam ketika negara masih berdepan isu perkauman sempit dan fahaman agama yang pantas menghukum

tanpa berlandaskan fakta.

“Saya tak perlu mohon maaf kerana berbicara satu mesej untuk negara dari masjid. Mesej ini adalah kepada orang Islam dan bukan Islam,” katanya.

Anwar mengingatkan, jika kefahaman mengenai Islam tidak diperluaskan, bibit Islamofobia yang tertanam di negara ini sejak zaman penjajah mungkin mempengaruhi dan mengelirukan pemikiran masyarakat.

Sehubungan itu, Perdana Menteri mengajak semua pihak membezakan di antara usaha untuk meremehkan agama dengan pihak yang menjadikan agama sebagai faktor kasih sayang ke arah kebaikan.

Bagi menangani isu perkauman sempit dan agama, beliau berkata, kerajaan akan memperhebatkan aktiviti imarah, pengajian dan latihan di masjid bagi anak muda.